

SURAT KEPADA TUAN HAJI MOHD YUSOF BIN AHMAD

Zaharin bin Haji Maulud,
Kampong Pengkalan Durian,

17hb. Sept., 1975.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Ayahanda Tuan Hj. Mohd. Yusuf bin Ahmad,

Terlebih dahulu anakanda mengangkat tangan menyusun jari memohon ampun dan maaf terhadap ayahanda mudah-mudahan kekal perhubungan kita dalam jalinan kemesraan dan keredzaan Allah berdasarkan keimanan dengan harapan dapat kita bersama menyumbangkan bakti untuk pembangunan masyarakat, ugama dan bangsa berpandukan firman Tuhan yang berbunyi:

Ertinya: "Adakah diantara kamu umat yang mengajak kepada kebaikan menyeru kepada mengerjakan yang benar dan melarang membuat yang salah, mereka itulah orang-orang yang beruntung." Mudah-mudahan ayahanda dapat kita mengelakkan daripada persengketaan, permusuhan, perlumbaan kepada pangkat dan darjat, perlumbaan kepada kepentingan sendiri yang mengakibatkan kita berpecah belah sesama sendiri, tuduh menuduh diantara satu sama lain masing-masing mahu menegakkan kebenaran tetapi tak dapat mencari jalan untuk menyakinkan masyarakat kita di Linggi yang kini sedang menghadapi zaman kemerusutan dan keruntuhannya.

Oleh itu wahai ayahanda kita perlu memikirkan untuk mengujutkan kembali perdamaian menegakkan kebenaran kerana tiada untungnya kalau kita masih meneruskan perbalahan yang berpunca dari krisis "Adat yang timbul pada hari ini satu pihak membanggakan Adat muafakatnya dan disatu pihak lagi dengan sistem berperutnya yang mana apabila dihalusi bagi kedua-dua pihak ini masing-masing ada mempunyai hujah-hujah bagi membenarkan apa yang diperjuangkannya. Ujudnya kita sebagai manusia wahai ayahanda adalah mencari yang benar dan menilai yang baik, yang palsu akan hancur, yang sesat akan lebur, yang dusta akan hilang tenggelam dan yang timbul ialah hak yang benar jua.

Ayahanda, kalaulah pesaka Datok Muda Linggi jadi rebutan sebagaimana yang berlaku lebeh kurang lima enam puluh tahun dahulu maka kita pada hari ini adalah bertanggung-jawab untuk mencari penyelesaian, anakanda berdoa kahadrat Allah

Subhanahu wata'ala semoga dibukanya hati ayahanda dan hati semua orang-orang bijak di Linggi untuk memberikan jasa dan bakti membangunkan masyarakat kita berdasarkan kepada prinsip Rukun Negara yang lima dan Perlembagaan negeri ini, tidaklah wajar jikalau sekiranya ayahanda dan Pak Ngah Said sebagai dua orang tokoh yang telah berjasa kepada negara yang pada hari ini mengusahakan untuk mencipta sesuatu yang belum pernah diadakan seperti, "Pilihanraya Adat" bagi melantik Datok Muda Linggi yang terkeluar dari garisan Adat. Walau pun cara ini baik pada dasarnya tetapi tak dapat diterima oleh pihak yang lain iaitu di pihak yang menganggap bahawa "Adat itu adalah sesuatu yang luhur dan suci mengikut Perbilangan Adat yang telah ditetapkan iaitu "Dianjak layu - Dicabut mati." Kerana kita di Linggi walau pun bukan mengikut Adat Perpatih tetapi kita pada hari ini tidaklah lagi bulat-bulat mengamalkan Adat Temenggung disebabkan oleh keadaan; oleh kerana kita semua di bawah naungan Y.T.M. Undang Luak Sungai Ujong dan apa yang telah ditetapkan oleh Y.T.M. Undang sebagai pemerintah Luak (Ruling Chief) itulah yang kita ikut. Ini adalah pendapat anakanda yang dipandang dari segi tata susila hidup kita sebagai orang-orang yang datang dan membuka tempat di Linggi dalam Luak Sungai Ujong yang mana dasar "Di mana bumi dipijak, disanalah langit dijunjung" itu tetap diutamakan demi untuk menunjukkan keperibadian kita menjaga kesopanan yang berdasarkan di atas nilai budi pekerti yang tinggi. Jadi kalau Pilihanraya Adat ini kita teruskan juga bererti kita menentang di atas dasar yang kita sendiri orang-orang Linggi telah menerimanya ia itu mengikut warisan perut yang telah disahkan dan diiktiraf oleh Y.T.M. Undang.

Anakanda kini tidak berharap sangat untuk menyandang pesaka itu kalau ia mendatangkan kesusahan dan kesulitan. Jika ayahanda dapat memberikan hujah-hujah yang ayahanda dan Pak Ngah Said berada di pihak yang benar berdasarkan yang hak, berdasarkan sejarah dan kenyataan dan dapat pula melemahkan hujah-hujah bagi pihak yang mempertahankan sistem berperut-perut itu, memberi suluh, memberi lampu supaya gelap menjadi terang dan kebenaran itu diterima oleh semua pihak khususnya, Y.T.M. Undang sebagai tunggak Luak, sebagai ketua Adat dan Ugama dalam Luak Sungai Ujong maka anakanda sedia memberikan sokongan terhadap perjuangan ayahanda dan anakanda terpaksa surut dan mengaku kalah dalam menentukan yang benar dan yang hak. Tetapi jika anakanda dapat memberikan hujah-hujah yang menasabah yang juga berdasarkan kepada kebenaran dan kenyataan dan hujah-hujah itu diterima oleh Y.T.M. Undang dan sebilangan besar dari masyarakat kita khususnya orang-orang yang mempertahankan sistem berperut-perut itu yang dipelupuri oleh Y.M. Datok Panglima Besar Linggi sebagai Datok Kedua Adat yang diiktiraf

serta mempunyai hak dalam menentukan pesaka Adat yang mana kuasanya juga tidak boleh kita perkecilkan, maka anakanda fikir demi untuk membangunkan masyarakat kita tentu tiada 'aib dan tiada malunya bagi ayahanda dan Pak Ngah Said sebagai dua tokoh yang telah berjasa kepada negara memberi sedikit pengorbanan surut dari usaha itu secara tulus ikhlas, secara tolak ansur yang mana jika pilihanraya Adat itu diteruskan juga mungkin menimbulkan banyak buruk dari baiknya dan ini sedikit sebanyak telah mencabar kuasa Y.T.M. Undang sebagai pemerintah Luak (Ruling Chief) dan sebagai Ketua Adat dan Ugama sebagaimana yang diakui oleh Perlembagaan.

Anakanda telah sedar dan insaf bahawa selama ini anakanda telah dijadikan alat dan dipehak yang mempertahankan sistem berperut itu juga (tidak semua) anakanda dapati ada juga shaitan-shaitan yang bertopengkan manusia dan anakanda sendiri tidak terus meletakkan harapan kepada mereka, tetapi anakanda terpaksa memilih jalan sendiri dan jika sekiranya ayahanda betul ikhlas dan jujur permintaan anakanda cuma mengharapkan ayahanda dan Pak Ngah Said dapat menyokong anakanda dalam tujuan untuk menegakkan yang benar dan yang hak, Insha Allah pertolongan dari ayahanda kedua tidak akan anakanda lupakan. Dengan jalan ini anakanda akan dapat membuktikan kepada mereka yang anakanda juga tahu menilaikan erti budi terhadap sesiapa sahaja yang berbudi kepada anakanda. Takdirnya ayahanda berada dipehak yang benar anakanda sanggup memihak kepada ayahanda dan Pak Ngah Said.

Tahukah ayahanda bahawa dipehak yang mempertahankan sistem berperut-perut semuanya telah bulat berdiri dibelakang anakanda bahkan Datok Panglima Besar sendiri telah melantik anakanda sebagai Datok Muda Linggi yang mana Y.T.M. Undang sendiri telah memperkenankannya. Tetapi ayahanda, anakanda sendiri tidak mempunyai keyakinan penuh selagi anakanda tidak meninjau buah fikiran ayahanda dan Pak Ngah Said. Mudah-mudahan bagi pehak ayahanda kedua dapat memberikan nasihat dan pendapat serta pandangan yang baik kerana apalah gunanya pangkat dan gelaran kalau tujuan dan cita-cita untuk mengujudkan apa yang dikatakan:-

Tidak dapat diujudkan atau dilaksanakan, seluruh penduduk dan masyarakat kita di Linggi tidak dapat disatukan dalam ertikata yang sebenarnya. Mencipta sebuah masyarakat yang aman dan damai yang mana tidaklah lagi yang berpengaruh akan menjadikan pengaruhnya sebagai alat untuk memperjuangkan kepentingan sendiri, yang mengaku 'alim menjadikan Ugama sebagai topeng supaya dihormati dan disanjung-sanjung.

Tugas kita bersama pada hari ini ialah untuk memberikan pimpinan bagi memperbaiki keadaan seluruh masyarakat kita yang pincang. Sama ada penglaksanaan tugas itu atau tidak, diterima atau ditolak oleh segenap anggota masyarakat terpulanglah kepada keikhlasan dan kejujuran kita bersama bagi mempriktikan yang mana kita seharusnya memberi contoh atau tauladan berpandukan kepada firman Tuhan yang berbunyi:-

Bagi anakanda jasa ayahanda dan jasa Pak Ngah Said memang tidak dapat anakanda perkecilkan dan jasa Allah Yarham Datok Muda Hassan juga yang telah bersusah payah membongkar kembali pesaka yang telah tenggelam hampir-hampir 20 tahun itu tidak juga boleh dipandang sepi. Kesimpulan yang anakanda dapati bahawa ayahanda, Pak Ngah Said dan Allah Yarham Datok Muda Hassan serta banyak yang lain-lain lagi yang telah sama-sama berjasa adalah manusia-manusia pilihan masing-masing mempunyai moral dan keyakinan dalam perjuangan yang walau apa jua corak dan caranya perjuangan itu tujuannya sama belaka ia itu untuk pembangunan dan perbaiki bagi faedah masyarakat seperti kata pantun:-

Walau berlainan corak dan cara,
Walau jauh renggang berselang,
Namun keazaman sama juga,
Membawa ubor sinar yang terang.

Oleh itu wahai ayahanda apalah salahnya kita mencari jalan damai jalan yang diredzai oleh Allah sekurang-kurangnya untuk mengenangkan jasa Allah Yarham Datok Muda Hassan dan kalau kita juga sama-sama ingin berjasa marilah kita membahagikan sesuatu yang berfaedah bagi masyarakat kita kerana ketokohan seorang pemimpin atau ketua harus berani bertindak untuk menyelesaikan sebarang sengketa dengan tidak merendahkan dan memandang sepi jasa-jasa orang yang terdahulu dari kita, kerana masa telah berlalu dan perkara telah berlaku "What is done cannot be undone". Apa yang perlu sekarang ialah untuk menyumbangkan sekomin bakti untuk menilai ketinggian moral dan budi menyedarkan masyarakat kita yang sedang khayal dengan kemajuan sains dan teknologinya tetapi telah terlupa dan terlucut dari pakaian moral dan budi sehingga ada yang sanggup memutuskan persaudaraan dan perlumbaan mengejar kebendaan dan pangkat dan menganggap bahawa kebendaan dan pangkat itu akan kekal abadi dalam kehidupan mereka dan mereka memandang bahawa pangkat dan darjat itu lebih besar dari kudrat dan iradat Tuhan.

Engkau ya Allah yang berkuasa pada segala-galanya. Kami memintak ampun kepada ya Allah di atas segala dosa dan kesalahan yang telah kami lakukan menyebabkan kami semua berpecah belah pada hal Dikau Ya Allah menyuruh menghubungkannya dan sekarang kami merasa insaf dan bertaubat di atas kesalahan itu. Kami bermohon kepada mu Ya Allah supaya memudahkan kami mendapat segala kehendak dan tuntutan-tuntutan kami dan jadikanlah kami menang diantara hamba-hamba Engkau dalam segala hal dan tutupkanlah mulut-mulut mereka yang hendak membuat sebutan jahat. Ya Allah kami jadikanlah tempat kami di Linggi ini sebagai tempat yang aman dan tenteram. Ya Allah bukanlah hati pemimpin-pemimpin kami di Linggi ini dan pemimpin-pemimpin yang menaungi kami sebagai mana Engkau Ya Tuhan membukakan hati para-para ulamak dan aulia-aulianya yang terdahulu daripada kami supaya dapat kami rasakan kembali nikmatmu yang maha besar itu, mengembalikan zaman keharuman dan kegemilangan daerah kami di Linggi ini yang pada satu masa dahulu telah mendapat keredzaan dan keampunan mu yang sentiasa tunduk, syukur dan tafakur dibawah gema kalimah tauhid dan akhirnya beri dan kurniakanlah kami akan kebaikan dan keselamatan didalam dunia, didalam Ugama serta didalam akherat dan selamatkanlah kami daripada azab api neraka. Amin Ya Rabbul Alamin.

Dari awakanda yang dzalif,

Tanda Tangan Zaharin b. Hj. Maulud.